

## TAKLIMAT GHANIM MENGENAI PELUANG KEUSAHAWANAN RUNCIT

### *GHANIM'S BRIEFING ON RETAIL ENTREPRENEURSHIP OPPORTUNITIES*



Hj Aylwin Eng bin Alimin, Ketua Projek Khas dan Pegawai Kos Ghanim  
*Special Project Lead & Costing Officer from Ghanim*

Rakan sekerja dari ketiga-tiga PDC yang berminat dalam keusahawanan runcit diberikan taklimat bagaimana mereka boleh merebut peluang tersebut melalui Ghanim International. Ini didedahkan oleh Awang Hj Aylwin Eng bin Alimin, Ketua Projek Khas dan Pegawai Kos dari Perbadanan Antarabangsa Ghanim dalam satu taklimat yang diadakan di Ibu Pejabat Nexus pada hari Selasa, 16 Februari 2021. Peluang tersebut akan disediakan tidak lama lagi dan terbuka kepada semua rakyat Brunei yang akan mengurus dan mengendalikan kedai runcit dan kiosk Ghanim yang di jenamakan 'The Junction'.

*Associates from all the three PDCs keen to get involved in retail entrepreneurship learned first-hand how they could seize such opportunities through Ghanim International. This was revealed by Awang Hj Aylwin Eng bin Alimin, Special Project Lead & Costing Officer from Ghanim International Corporation in a briefing held at Nexus Headquarters on Tuesday, 16 February. The retail opportunities will be made available soon and open to all Bruneians who will manage and operate Ghanim's retail shops and kiosks called 'The Junction'.*



Sebahagian dari peserta yang hadir | Some of the attendees



Sesi soal jawab | The question-and-answer session



Pegawai-pegawai PDC dan Ghanim  
*The PDCs and Ghanim officers*



Sebahagian dari peserta yang hadir  
*Some of the attendees*

# NEXUS TECH BERSEDIA UNTUK BERPINDAH KE PEJABAT BARU

## *NEXUS TECH READY TO MOVE TO ITS NEW BASE*

Kakitangan Nexus Tech telah mula memindahkan peralatan mereka ke pejabatnya yang baru di Berakas dan bersedia untuk bergerak dan beroperasi dari bangunan yang telah dibaikpulih itu. Lawatan ke bangunan tersebut telah dijalankan oleh pihak pengurusan Nexus untuk memastikan bangunan dan kemudahan sedia untuk digunakan sepenuhnya.

*Staff of Nexus' spin-off company, Nexus Tech have started moving their equipment to its new base in Berakas as they get ready to move and operate from the newly refurbished building. A site visit was conducted by the management team to ensure the building and facilities are ready.*



Pejabat baru bagi Nexus Tech | *The new base for Nexus Tech*



Cadangan kawasan letak kereta untuk kakitangan  
The proposed car park for the staff



Ruang pejabat Nexus Tech yang siap untuk digunakan  
The office space is ready to be occupied





Pasukan Nexus Tech | The Nexus Tech team

## PROGRESIF ADAKAN JERAYAWARA DUA HARI *PROGRESIF HOLDS A TWO-DAY ROADSHOW*



Meja-meja pertanyaan bagi pendaftaran dan pertanyaan perkhidmatan  
*Helpdesks for registration and service inquiries*

Bagi mempromosikan pakej produk dan perkhidmatan Progresif, satu jerayawara selama dua hari telah diadakan pada 8 dan 9 Februari di Ibu Pejabat Nexus. Pasukan pemasaran syarikat tersebut berada di Nexus bagi menerangkan lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat kepada kakitangan dan rakan sekerja Nexus.

*To promote Progresif's product and service packages, a two-day roadshow was held on 8th and 9th February at Nexus Headquarters. The company's marketing team was on hand to entertain Nexus staff and associates who wished to learn more about what the company has to offer.*



## LATIHAN FIRE MARSHAL BERAKHIR FIRE MARSHAL TRAINING COMES TO A CLOSE

20 rakan sekerja Nexus yang menjalani latihan Fire Marshal selama tiga hari di Jabatan Bomba dan Penyelamat minggu lepas, telah dilatih bagaimana untuk mengendalikan dan menguruskan sebarang kecemasan di tempat kerja dan memastikan rakan-rakan sekerja mereka mengosongkan bangunan dengan selamat dan teratur. Tindak balas pertama mereka terhadap keadaan kecemasan adalah sangat kritikal sebelum perkhidmatan kecemasan yang lain tiba di tempat kejadian.



Para peserta ditunjukkan bagaimana menggunakan alat pemadam api  
*The participants being shown how to use the fire extinguisher*

**20 Nexus associates who underwent a three-day fire marshal training at the Fire and Rescue Department last week, were trained on how to handle and manage emergency situation in the workplace and get their colleagues to evacuate the building in a safe and orderly manner. Their first response to an emergency situation is very critical before the emergency services arrive at the scene.**



Para peserta Latihan | *The training participants*





منجايان و اوسن نگارا  
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA  
23 FEBRUARI 2021

سمبوتن اولغ تاهون  
هارى كبغساان  
نگارا بروني دارالسلام  
ك-37، تاهون 2021

Sambutan Ulang Tahun  
Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Ke-37, Tahun 2021



we.are.nexus



www.nexus.com.bn



nexus  
The Next of Us